

1. Maklumat di bawah berkaitan pembentukan tamadun awal dunia.

Tamadun	Lokasi
Tamadun Indus	Lembah Sungai Indus
X	Lembah Sungai Nil

Apakah X?

- A Tamadun Rom
- B Tamadun Hwang Ho
- C Tamadun Mesir Purba
- D Tamadun Mesopotamia

2. Kod Undang–Undang Hammurabi digubal semasa Raja Hammurabi memerintah Babylon .

Apakah prinsip undang-undang tersebut?


- A Berteraskan hak rakyat terhadap keadilan
- B Hukuman yang sama untuk semua golongan
- C Berasaskan adat dan kepercayaan masyarakat
- D Menekankan konsep kerjasama antara masyarakat

3. Masyarakat Athens mementingkan sukan, seni berpidato dan kesusasteraan dalam sistem pendidikan.

Mengapakah bidang tersebut penting?

- A Membina watak kepimpinan
- B Memudahkan mobiliti sosial
- C Melahirkan rakyat yang seimbang
- D Memperkukuh jati diri masyarakat

4. **Gambar 1** merupakan pengasas akademi falsafah di Athens.



Plato

Menurut Plato, ahli falsafah adalah orang yang paling layak memerintah negara.


Mengapakah beliau berpendapat demikian?

- A Berketurunan bangsawan
- B Mendapat sokongan rakyat
- C Memahami strategi peperangan
- D Berupaya menggubal undang-undang

5. Apakah peranan golongan Brahmin dalam kerajaan awal di Asia Tenggara ?

- A Menjaga keamanan negara
- B Mentadbir wilayah jajahan
- C Mengetuai upacara keagamaan
- D Menguruskan perbendaharaan

6. Maklumat merujuk kepada pentadbiran sebuah kerajaan di Asia Tenggara.




Apakah kerajaan tersebut?

- A Angkor
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Kedah Tua

7. Mengapakah perbalahan sering terjadi antara kabilah Arab pada Zaman Jahiliah?

- A Semangat pahlawan
- B Ketiadaan pemimpin
- C Kemasukan pengaruh luar
- D Semangat kesukuan menebal

8. X dalam **Rajah 1** berikut merujuk kepada



Rajah 1

- A Pembentukan negara Islam
- B Penyebaran agama Islam
- C Penghijrahan orang Islam
- D Perkembangan pendidikan Islam

9. Apakah persamaan kandungan Perjanjian Aqabah Pertama dan Kedua?

- A Beriman kepada Allah SWT
- B Pembentukan Piagam Madinah
- C Bersatu memerangi musuh Islam
- D Penghijrahan ke kota Madinah

10. Nabi Muhammad SAW membuka semula kota Makkah pada 630 Masihi.

Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

- A Permintaan pembesar Quraisy
- B Tentera Quraisy menyerah kalah
- C Kaum Quraisy menzalimi orang Islam
- D Orang Quraisy mencabuli isi perjanjian

11. Kerajaan Rom Timur atau Byzantine dan kerajaan Parsi adalah kuasa yang mengancam keselamatan kerajaan Islam Madinah.

Bagaimanakah Khalifah Abu Bakar mengatasi ancaman tersebut?

- A Mengambil tindakan ketenteraan
- B Menamatkan hubungan diplomatik
- C Menghantar bayaran ufti setiap tahun
- D Menandatangani perjanjian persahabatan

12. Apakah sumbangan khalifah Uthman bin Affan kepada kemajuan sistem pertahanan negara Islam Madinah?

- A Membina markas tentera
- B Mewujudkan pasukan tentera tetap
- C Menubuhkan angkatan tentera laut
- D Melantik panglima tentera sebagai gabenor

13. Dasar sosial Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan Turki Uthmaniyah telah menarik minat orang Kristian untuk memeluk Islam.

Mengapakah dasar tersebut diterima oleh orang Kristian?

- A Memberi penekanan kepada kecemerlangan individu
- B Mengutamakan kemewahan dalam kehidupan
- C Memperkuat kedudukan sesuatu kabilah
- D Menjamin kemuliaan keturunan

14. **Gambar 2** menunjukkan bukti teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.



Batu Bersurat Terengganu
Gambar 2

Batu bersurat tersebut membuktikan Islam datang dari

- A Parsi
- B China
- C India
- D Arab

15. Maklumat berikut berkaitan sistem pendidikan di Tanah Melayu selepas kedatangan Islam.

- Waktu pembelajaran tidak terbatas
- Pelajar mengambil masa yang panjang untuk menamatkan pengajian

Apakah institusi yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Istana
- B Masjid
- C Pondok
- D Madrasah

16. Bagaimanakah laksamana membantu meneruskan perkembangan Islam di Melaka pada abad ke-16?

- A Menjaga keselamatan perairan
- B Mentadbir kemudahan di pelabuhan
- C Mengawal keamanan dalam negeri
- D Mengetuai hal ehwal protokol

17. Konsep daulat merupakan pengikat yang kukuh antara rakyat biasa dengan pemerintah dalam masyarakat Melayu tradisional.

Bagaimanakah konsep tersebut diperkukuh?

- A Melalui pendidikan formal
- B Mengiktiraf golongan bangsawan
- C Melaksanakan upacara pertabalan
- D Menyeragamkan sistem cukai

18. Mengapakah Martin Luther menentang amalan penjualan surat pengampunan dari gereja di Eropah pada abad ke-16?

- A Kuasa raja tercabar
- B Rakyat jelata tertindas
- C Kadar jenayah meningkat
- D Ajaran agama diseleweng

19. Akta Antipenggabungan (Anti-Combination Act) diperkenalkan di Britain pada peringkat awal Revolusi Perindustrian.

Apakah kesan pelaksanaan akta tersebut?

- A Harga barangan berkurangan
- B Buruh asing dilarang bekerja
- C Gaji pekerja tidak meningkat
- D Wanita dilarang bekerja di kilang

20. **Jadual 1** berkaitan dengan mata wang yang digunakan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat.

Negeri	Mata Wang
Kelantan	Dinar emas
Pahang	Jongkong tampang
Terengganu	Kupang emas

Jadual 1

Mengapakah penggunaan mata wang tersebut semakin pupus menjelang abad ke-19?

- A Kekurangan logam
- B Kelembapan ekonomi
- C Pengenalan wang kertas
- D Penggunaan syiling emas

21. Apakah tujuan Land Settlement Order dikuatkuasakan di Sarawak pada tahun 1933?

- A Memajukan kegiatan pertanian
- B Melindungi tanah milik pribumi
- C Membenarkan imigran memiliki tanah
- D Memudahkan usaha membina kemudahan asas

22. Mengapakah negara Asia berikut menjadi sasaran imperialis Barat pada abad ke-17?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• China• India |
|---|

- A Kepelbagaian budaya
- B Kestabilan politik
- C Keluasan pasaran
- D Ketinggian tamadun

23. Tokoh berikut merupakan pemerintah Thailand.



Bagaimanakah tokoh tersebut mengekalkan kemerdekaan Thailand?

- A Memperkenalkan birokrasi Barat
- B Melanggarkan syarat kerakyatan
- C Menjalin hubungan dengan China
- D Merangka perlembagaan baru

24. Maklumat berikut merujuk daerah yang ditakluki British di Tanah Melayu pada abad ke-19.

- Pahang
- Kelantan
- Terengganu

Mengapakah British menakluki kawasan tersebut?

- A Menyebarkan pengaruh agama
- B Membanteras ancaman komunis
- C Menguasai perdagangan rempah
- D Memperkukuh kedudukan politik

25. **Jadual 2** berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Nanning pada awal abad ke-19.

Tahun	Peristiwa
1831	Penghulu Dol Said Berjaya mengalahkan tentera British

Jadual 2

Apakah faktor yang membawa kepada kejayaan tersebut?

- A Bantuan tentera luar
- B Kesetiaan tentera upahan
- C Kekuatan kubu pertahanan
- D Penggunaan senjata moden

26. Anda merupakan pemimpin Kaum Muda sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

Bagaimanakah anda menyebarkan idea perjuangan Kaum Muda ?

- I Menerbitkan majalah
- II Menubuhkan madrasah
- III Mendapatkan sokongan pembesar
- IV Menguatkuasakan undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi di Tanah Melayu.

Apakah tujuan perlembagaan digubal ?

- A Memantapkan hubungan luar
- B Melindungi kepentingan rakyat
- C Menghalang kemasukan imigran
- D Mengawal penubuhan parti politik

28. Sebagai Sultan Johor pada tahun 1895, bagaimanakah anda menghalang percubaan British dalam mencampuri urusan pentadbiran Johor ?

- A Menubuhkan angkatan tentera
- B Menggubal undang-undang baru
- C Memajukan aktiviti perlombongan
- D Mengukuhkan perpaduan penduduk

29. **Dialog 1** berikut mungkin berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an.

<i>Ahmad</i>	: Isu berkaitan agama Islam mendorong orang Melayu menentang Malayan Union
<i>Syukri</i>	: Mereka bimbang agama Islam akan terjejas !

Dialog 1

Isu agama dalam dialog tersebut merujuk kepada

- A Hak mengutip zakat fitrah
- B Larangan membina rumah ibadat
- C Kuasa menggubal undang-undang
- D Halangan mengadakan ceramah agama

30. Pernyataan berikut merujuk tindakan yang dilakukan oleh AMCJA dan PUTERA pada tahun 1940-an.

AMCJA dan PUTERA telah mengadakan pelbagai tindakan seperti ceramah politik, demonstrasi dan mogok untuk menentang British dan UMNO.
--

Apakah kejayaan daripada penentangan tersebut ?

- A Pilihan raya diadakan
- B Kebebasan bersuara diberikan
- C Jawatankuasa Perunding ditubuhkan
- D Membentuk Persekutuan Tanah Melayu

31. **Jadual 3** berikut menunjukkan perubahan yang dilakukan oleh British di Tanah Melayu.

Tahun	1951
Peristiwa	Pengenalan Sistem Ahli

Jadual 3

Mengapakah British memperkenalkan perubahan tersebut?

- A Memberikan latihan pentadbiran
- B Menanamkan semangat taat setia
- C Melicinkan struktur pentadbiran
- D Mengiktiraf hak orang dagang

32. Rundingan berikut telah diadakan di Tanah Melayu pada tahun 1940-an.

Perundingan UMNO dengan Jawatankuasa
Hubungan Antara Kaum (CLC)

Apakah perkara yang dipersetujui dalam perundingan tersebut?

- I Pelaksanaan Sistem Ahli 1951
- II Pengubalan Perlembagaan Rakyat
- III Pemberian Kerakyatan Negeri 1951
- IV Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Monolog berikut merujuk faktor penyertaan Singapura dalam Malaysia.



Pengalaman lama dalam monolog tersebut merujuk

- A Kesepakatan para pemimpin
- B Kecekapan sistem pentadbiran
- C Keberkesanan perjuangan kemerdekaan
- D Kejayaan membanteras pengaruh komunis

34. Akta Malaysia 1963 telah memperuntukan beberapa perkara yang dimasukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Antara kuasa yang diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak adalah dalam bidang

- A Imigresen
- B Kewangan
- C Pertahanan
- D Hubungan luar

35. Pernyataan berikut menggambarkan kandungan Perlembagaan Malaysia.

Sebarang undang-undang yang bertentangan dengan perlembagaan, maka undang-undang tersebut adalah tidak sah.

Dalam Perlembagaan Malaysia, peruntukan tentang perkara tersebut dinyatakan dalam


- A Perkara 74
- B Perkara 75
- C Perkara 76
- D Perkara 77

36. Perkara 119, Perlembagaan Malaysia menetapkan seseorang individu layak mengundi dalam pilihan raya jika bertaraf warganegara.

Apakah kepentingan syarat tersebut ?

- A Menjamin kelicinan pentadbiran
- B Memastikan ketaatsetiaan rakyat
- C Menghalang penghijrahan penduduk
- D Membolehkan penubuhan parti politik

37. **Rajah 4** berikut merujuk kepada matlamat dasar pembangunan ekonomi negara.




Rajah 4

Mengapakah matlamat tersebut disasarkan ?

- A Meluaskan pasaran
- B Memantapkan perpaduan
- C Mengurangkan beban kewangan
- D Meningkatkan peluang pekerjaan

38. **Rajah 5** berikut merujuk kepada prinsip Rukun Negara.




Rajah 5

Mengapakah prinsip tersebut diberi keutamaan ?

- A Agama merupakan ciri-ciri masyarakat majmuk
- B Rakyat yang beragama mudah diurus dan berdisiplin
- C Agama merupakan aspek utama dalam perlembagaan
- D Rakyat yang beragama mematuhi kehendak pemerintah

39. Kedua-dua blok berikut muncul selepas Perang Dunia Kedua.



Mengapakah Negara-Negara Dunia Ketiga tidak menyertai kedua blok ?

- A Mematuhi Piagam PBB
- B Menganggotai Kuasa Berikat
- C Menghadapi konflik dalaman
- D Mengamalkan sikap berkecuali

40. Pada November 1971, Deklarasi Kuala Lumpur telah diisytiharkan untuk menjadikan negara-negara ASEAN sebagai Zon Bebas, Aman dan Berkecuali (ZOPFAN).

Mengapakah ZOPFAN penting buat negara anggota ASEAN?

- A Pengukuhan pertahanan negara
- B Pengekalan keamanan negara
- C Pemantapan hubungan luar
- D Pengekalan sistem beraja